

SOALAN NO. : 53

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]

TARIKH : 1 OGOS 2017

SOALAN:

Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah jangka panjang oleh pihak Kementerian untuk membendung berlakunya pencemaran Sungai di Perlis dan apakah bentuk usaha dan kaedah yang dibuat supaya masalah pencemaran dapat diselesaikan dengan segera.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah dan akan terus berusaha bersungguh-sungguh bagi mengawal pencemaran sungai khususnya bagi punca-punca seperti pelepasan industri, loji-loji kumbahan, serta projek pembangunan yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (AKAS 1974). Selain itu, perhatian harus juga diberikan kepada punca-punca yang boleh menyumbang kepada pencemaran sungai seperti pelepasan daripada pusat penyediaan makanan, aktiviti perladangan, aktiviti penternakan dan juga projek pembangunan yang dikawal oleh pelbagai agensi.

Antara usaha berterusan yang diambil oleh JAS bagi mencegah dan mengawal pencemaran yang boleh menjejaskan kualiti air sungai adalah:

- (a) Melaksanakan penguatkuasaan terhadap aktiviti industri secara pematuhan sendiri (*self regulation*) oleh industri;
- (b) Menjalankan penguatkuasaan secara menyeluruh (termasuk pemeriksaan / siasatan ke premis - '*command and control*') terhadap pengoperasian premis-premis dan juga projek pembangunan yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974);
- (c) Melaksanakan pemantauan secara *desktop enforcement* melalui sistem pemantauan jarak jauh menerusi sistem

telemetri, Sistem Pemantauan Pelepasan Bulanan (*Monthly Discharge Monitoring System*) yang diwajibkan ke atas industri yang menghasilkan efluen supaya semua punca-punca tersebut mematuhi AKAS 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya;

- (d) Melaksanakan pemeriksaan susulan bagi menentusahkan pelaporan yang dikemukakan adalah berintegriti dan tepat dengan situasi yang berlaku di lapangan. Tindakan penguatkuasaan seperti amaran bertulis di lapangan (*field citation*), Notis Arahan, tawaran kompaun, penyitaan peralatan, perintah larangan operasi atau tindakan mahkamah akan dikenakan ke atas mana-mana punca yang didapati tidak patuh;
- (e) Menyemak dan membuat pindaan-pindaan kepada peruntukan AKAS 1974 dan peraturan yang berkaitan sebagai penambahbaikan selaras dengan perkembangan semasa teknologi kawalan pencemaran dan kaedah pengurusan alam sekitar yang dinamik dan kompleks;
- (f) Menerbitkan pelbagai dokumen dan garis panduan serta menjalankan aktiviti kesedaran alam sekitar bagi meningkatkan kefahaman pihak-pihak yang berkenaan ke arah pematuhan kepada kehendak perundangan alam sekitar yang berkuatkuasa; dan

- (g) Mempertingkat dan memperkemaskan program-program pemantauan kualiti air yang dilaksanakan oleh Jabatan bagi memenuhi keperluan bagi membuat keputusan.

Selain itu juga, pihak Kementerian turut memperkukuhkan pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bersama mana-mana agensi yang berkaitan dalam menangani sesuatu isu pencemaran dengan lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (54)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 1 OGOS 2017
[SELASA]**

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRRASHID
[KOTA TINGGI]**

SOALAN :

**YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRRASHID
[KOTA TINGGI] minta PERDANA MENTERI menyatakan persediaan
Kerajaan dalam menghadapi Revolusi Industri Keempat.**

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, gelombang Perindustrian Keempat (*Fourth Industrial Revolution – 4IR*) didorong oleh revolusi digital atau internet melalui aplikasi sistem siber-fizikal (*cyber-physical system*). Perubahan teknologi disruptif yang dibawa oleh 4IR ini memberi kesan kepada semua industri di seluruh dunia. Salah satu komponen utama dalam 4IR ialah Industri 4.0 iaitu pendigitalan dan integrasi aset fizikal ke dalam ekosistem digital yang membolehkan keseluruhan rangkaian pengeluaran bergerak tanpa pengawasan manusia. Pemangkin Industri 4.0 bagi sektor pembuatan secara amnya berteraskan kemajuan dalam bidang *autonomous robots, big data, augmented reality, cloud computing, internet of things (IoT)*, percetakan 3D, keselamatan siber, simulasi dan integrasi sistem. Industri 4.0 berupaya meningkatkan kecekapan, produktiviti dan pulangan serta daya saing industri tempatan.

Persediaan untuk menghadapi era Industri 4.0 perlu dilihat secara menyeluruh dan melibatkan semua pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan

Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Kementerian lain serta pihak industri dan akademia sedang bekerjasama dalam usaha merangka Dasar dan Pelan Tindakan Nasional Industri 4.0 bagi memastikan industri tempatan tidak ketinggalan berbanding negara-negara lain di peringkat serantau mahupun global. Dasar dan pelan tindakan ini akan mengambilkira semua aspek termasuk kemudahan infrastruktur dan ekosistem, pembiayaan dan jenis-jenis pekerjaan baharu yang mungkin muncul serta penyediaan bekalan modal insan yang mencukupi ke arah era Industri 4.0.

Sekian, terima kasih

1 Ogos 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : USTAZ DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 1 OGOS 2017 (SELASA)

SOALAN : 55

**Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan pendirian Kementerian
terhadap gesaan larangan hidangan minuman beralkohol dalam pesawat
dan cadangan pembacaan doa sebelum pesawat berlepas.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah menjadi pendirian Kerajaan untuk tidak menghalang sebarang cadangan syarikat-syarikat penerbangan untuk melarang hidangan minuman beralkohol dalam pesawat dan cadangan pembacaan doa sebelum pesawat berlepas. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah merupakan keputusan syarikat penerbangan masing-masing.

Walaupun bagaimanapun, sebagai sebuah syarikat penerbangan yang beroperasi ke pelbagai destinasi di seluruh dunia dengan pelbagai lapisan penumpang, syarikat-syarikat penerbangan perlu memenuhi kehendak penumpang khususnya penumpang kelas perniagaan dan kelas pertama yang mana sudah menjadi kelaziman bagi kebanyakan syarikat penerbangan di dunia untuk menyediakan minuman keras kepada penumpang.

Sungguhpun demikian, ini tidak bermakna Kerajaan dan MAB menggalakkan penumpangnya untuk mengambil minuman keras. Mulai 1 Januari 2016, MAB tidak lagi menghidangkan minuman keras untuk penerbangan di bawah 3 jam perjalanan.

Untuk makluman Yang Berhormat, MAB telah memulakan polisi dengan menetapkan setiap penerbangan terlebih dahulu melafazkan doa yang dipaparkan melalui skrin sebelum pesawat berlepas bermula pada bulan Oktober 2014.